

KEMENTERIAN PERTAHANAN
MALAYSIA
MINISTRY DEFENCE
MALAYSIA
JALAN PADANG TEMBAK
50634 KUALA LUMPUR

Alamat:
Telegraphic Address:
"KEMENTERIAH KUALA LUMPUR"
Teleks: Faks: 03-26814512
'KEMENTERIAH MA 59289'
Telefon: KL 20713333
5080

Rujuk Tuan:

Rujuk Kami: KP/K&A/CI214/7(68)

Tarikh: 5 Januari 2004

Lihat Agihan

Y. Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN KEMENTERIAN (BAHAGIAN KEWANGAN & AKAUN) BIL. 2 / 2004

ARAHAN PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMBELIAN TERUS (RUNCIT) DI PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. TUJUAN

1.1 Arahan ini adalah bagi menetapkan supaya semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) menubuhkan satu Jawatankuasa Pembelian Terus (Runcit) di peringkat PTJ.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Arahan Perbendaharaan 92 (a) (AP 92 (a)) menetapkan bahawa Pegawai Pengawal bagi sesuatu maksud Perbelanjaan atau sesuatu maksud Akaun Amanah adalah bertanggungjawab atas betulnya semua perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan maksud Perbelanjaan atau Akaun Amanah itu.

- 2.2 Kebelakangan ini Kementerian menghadapi beberapa kes penyalahgunaan kuasa yang membawa kepada penyelewengan dalam Pengurusan Kewangan Perolehan Kerajaan di Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 2.3 Kementerian menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pembelian Terus (Runcit) ditubuhkan disetiap PTJ bagi memperkemaskan Pengurusan Kewangan / Perolehan Kerajaan di PTJ agar ianya lebih telus dan mematuhi arahan-arahan yang telah ditetapkan.

3. ISTILAH PEMBELIAN TERUS (RUNCIT)

- 3.1 Pembelian Terus bagi perolehan Bekalan dan Perkhidmatan daripada mana-mana Pembekal / Syarikat bagi nilai perolehan sehingga RM10,000.00 bagi setiap pesanan tetapi jumlah keseluruhan perbelanjaan tidak melebihi RM50,000.00 setahun.
- 3.2 Pembelian Terus bagi Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan daripada Pembekal / Syarikat Bumiputra yang berdaftar bagi nilai perolehan melebihi RM10,000.00 sehingga RM50,000.00 setiap pesanan tetapi jumlah keseluruhan perbelanjaan tidak melebihi RM100,000.00 setahun.
- 3.3 Pembelian Terus bagi Perolehan Kerja-Kerja Kecil yang tidak melebihi RM20,000.00 dibuat di kalangan kontraktor kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah kepala dan *sub kepala* yang berkaitan.
- 3.4 Pembelian Terus bagi perolehan Percetakan daripada Pembekal / Syarikat Percetakan Bumiputra bagi nilai perolehan sehingga RM50,000.00 setahun.

3.5 Pembelian Terus bagi Bekalan dan Perkhidmatan adalah mengikut klasifikasi setiap jenis barang.

4. PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMBELIAN TERUS (RUNCIT) DI PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

4.1 Kementerian telah menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pembelian Terus (Runcit) ditubuhkan disetiap PTJ Kementerian Pertahanan.

4.2 Keahlian Jawatankuasa Pembelian Terus (Runcit) terdiri daripada:

- a. Pengurus / Timbalan Pengurus PTJ - Pengerusi
 - b. Dua (2) Orang Pegawai Kanan - Ahli
(Tentera / Awam)
 - c. Seorang (1) Pengguna Akhir - Ahli
- Pegawai-Pegawai yang dilantik hendaklah diberi arahan perlantikan secara bertulis.

4.3 Tugas Jawatankuasa Pembelian Terus (Runcit)

- a. Menyemak keperluan perolehan adalah menepati peraturan Pembelian Terus.
- b. Pembelian Bekalan / Perkhidmatan tidak melebihi 50% daripada peruntukan tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan 4/2002 (SPP 4/2002).
- c. Pecahkecil belian atau pecahkecil pelaksanaan sesuatu projek tidak dibuat.
- d. Tiada Kontrak Pusat / Kementerian.

- e. Menyemak senarai Kontraktor / Pembekal yang memberi tawaran adalah di kalangan kontraktor / Pembekal tempatan di daerah atau daerah berdekatan dengan PTJ.
- f. Mempastikan bagi Pembelian Bekalan / Perkhidmatan yang melebihi RM10,000.00 ditawarkan kepada Kontraktor / Pembekal Bumiputra yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- g. Mempastikan bagi perolehan Kerja yang tidak melebihi RM20,000.00 ditawar kepada kontraktor kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
- h. Mempastikan bahawa pemilihan kontraktor dibuat berdasarkan pusingan / undian / tawaran.
- i. Mempastikan harga yang ditawarkan adalah berpatutan berdasarkan kajian pasaran setempat.
- j. Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan 7/2002 (SPP 7/2002), bahan / barang / perkhidmatan tempatan hendaklah digunakan sepenuhnya dalam perolehan kerajaan. Perolehan melalui 'import' hanya akan dipertimbangkan setelah dipastikan ianya tidak boleh diperolehi secara tempatan.
- k. Memperaku dan meluluskan firma / kontraktor yang terpilih setelah semua prinsip-prinsip dan syarat-syarat perolehan dipatuhi oleh PTJ.

5. REKOD PENDAFTARAN PEMBEKAL

- 5.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikehendaki menyimpan senarai syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi Bekalan / Perkhidmatan dan kontraktor kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) bagi kerja-kerja kecil,

dalam kawasan / daerah masing-masing bagi urusan pembelian Terus.

6. PEMANTAUAN KE ATAS PUSAT TANGGUNGJAWAB

6.1 Pegawai Pengawal akan mengawasi dan membuat pemantauan ke atas PTJ melalui beberapa lawatan Inspektorat bagi memastikan kemudahan perolehan Pembelian Terus (Runcit) tidak disalah gunakan disamping peraturan kewangan yang ditetapkan dipatuhi.


7. TARIKH KUATKUASA

7.1 Pelaksanaan arahan ini berkuatkuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'Kerja Berkualiti, Belanja Berhati-hati'

Saya yang menurut perintah,


(DATUK DR ABDUL AZIZ BIN MOHD ALI)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan & Akaun
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan